

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Minda Pengarang

Jangan biar pesakit kanser menanggung beban sendirian

'Hanya mereka memakai kasut seseorang, akan memahami keperitan dan penderitaan ditanggung' adalah maksud pepatah Inggeris yang padanannya dalam bahasa Melayu mungkin 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'. Hakikatnya, di sebalik kecanggihan perubatan dan kemajuan sistem kesihatan negara, kisah kesengsaraan pesakit kanser terutama kanak-kanak dan kumpulan B40, terus menyayat hati.

Kita perlu mengakui Malaysia menghadapi cabaran besar menyediakan rawatan mencukupi dan mudah diakses semua. Dengan hanya 128 pakar onkologi di seluruh negara dan kebanyakan hospital khusus terletak di Lembah Klang, ramai pesakit dan keluarga mereka, terutama jauh dari pusat bandar terpaksa menempuh perjalanan panjang dan mahal untuk mendapatkan rawatan.

Ramai menyedari kos perubatan kanser sangat tinggi, tetapi mungkin terlupa beban dihadapi pesakit kanser dan keluarga mereka turut membabitkan kos sampingan seperti pengangkutan, penginapan dan makan minum seperti dilaporkan BH, semalam. Dengan rawatan berkala, situasi itu sebenarnya tidak hanya menebak golongan berpendapatan rendah dan B40, bahkan mencengkam golongan M40 terpaksa mengeluar kan perbelanjaan besar.

Memang Kementerian Kesihatan (KKM) akan menambah tiga pusat rawatan kanser kanak-kanak dan 13 pakar onkologi, tetapi belum mencukupi, bahkan masih tidak menyelesaikan isu bebanan dihadapi pesakit serta keluarga yang pastinya turut dirasai dalam konteks pesakit dewasa.

Namun, meletakkan tanggungjawab ini kepada kerajaan sahaja bukan ciri masyarakat civil atau madani yang terpuji, justeru sektor korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat perlu menggembangkan tenaga untuk membantu meringankan beban ini.

Dalam konteks ini, sokongan holistik merangkumi bantuan kewangan kos perjalanan, penginapan dan makanan serta penyediaan fasiliti lebih dekat dengan komuniti pesakit. Inisiatif seperti bantuan tambang dan sumbangan sara hidup oleh NGO seperti Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak (CAKNE) perlu diperluas dan diperkuuh dengan kerjasama kerajaan dan sektor korporat.

Kerajaan boleh bertindak sebagai pemudah cara atau mewujudkan pusat sehenti supaya bantuan kewangan dapat diselaras dan diajihkan tanpa mengira status sosioekonomi. Bagi menggalakkan sokongan korporat, kerajaan boleh memberikan inisiatif kepada entiti yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu.

Ini boleh mendorong sektor korporat menyalurkan dana menyokong keluarga pesakit melalui kerjasama dengan hospital, NGO dan kerajaan termasuk menyediakan pengangkutan percuma, asrama atau pakej bantuan khas untuk keluarga pesakit. Pelaburan membantu meringankan beban serta mencerminkan komitmen syarikat terhadap kesejahteraan masyarakat. Kita turut menyarankan kerajaan untuk melakukan pendekatan lebih inklusif dengan mereformasi sistem kesihatan negara, termasuk memastikan subsidi rawatan dan bantuan kewangan disasarkan dengan lebih tepat agar sampai kepada mereka benar-benar memerlukan.

Ketika negara berada dalam suasana sambutan kemerdekaan dan ulang tahun penubuhan Malaysia, usaha sebegini boleh menterjemahkan tekad 'Jiwa Merdeka' supaya kita tanpa mengira kaum dan agama bersama untuk turut memikul beban, bukan memandang dengan simpati sahaja. Dengan menggabungkan usaha semua pihak, kita boleh memastikan beban pesakit kanser serta keluarga diringankan, sekali gus tidak dibiarakan menanggung sendirian.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

3 lagi pusat rawatan kanser kanak-kanak bakal dibina

KKM turut tambah 13 tenaga pakar tumpung keperluan pesakit

Oleh Suzalina Muliadi
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membangunkan tiga lagi pusat rawatan kanser kanak-kanak dan menambah 13 tenaga pakar berkaitan melalui perancangan Hala Tuju perkhidmatan subkekapanan hematologic onkologi pediatrik sebagai langkah meningkatkan keperluan rawatan membabitkan golongan berkenaan.

Seketika ini, negara hanya ada 20 pakar kanser kanak-kanak di tujuh pusat perawatan kanser kanak-kanak awam dan berhasrat untuk meningkatkan pada jumlah 33 pakar kanser dalam tempoh enam tahun ini.

* Ketua Subkekapanan Hematology Onkologi Pediatrik Kebangsaan KKM, Dr Zulaiha Muda, berkata penambahan tiga pusat kanser itu adalah Alor Star, Kedah; Kuantan, Pahang dan Melaka bagi menampung ketiadaan kemudahan di beberapa negeri.

Katanya, beliau yang juga pakar perunding hematologi dan onkologi pediatrik di Hospital Tunku Azizah (HTA), berkata masing-masing seorang pakar kanser kanak kanak ditempatkan di setiap pusat rawatan ba-



Negara kini hanya ada 34 pakar kanser kanak-kanak. (Foto hiasan)

haru itu yang kini menjalani latihan *fellowship* di bawah KKM. "Di Alor Setar, ia akan dimulakan pertengahan tahun depan. Oleh itu, pesakit kanser tidak perlu lagi ke Pulau Pinang untuk mendapatkan rawatan.

"Keseluruhannya 10 pusat rawatan kanser kanak-kanak akan menampung keperluan golongan itu pada masa depan.

"Apabila tenaga pakar kanser mencukupi mungkin pusat rawatan kanser boleh disediakan di setiap negeri, pada masa depan.

"Kini, tiada keperluan pusat rawatan kanser kanak-kanak di setiap negeri, namun mungkin boleh direalisasikan menjelang 2040 apabila kita lebih tenaga pakar kanser kanak kanak.

"Pusat rawatan kanser dewasa memang banyak di seluruh ne-

gara dan kita akan menuju ke arah itu juga suatu masa nanti. "Penubuhan pusat kanser bukan mudah kerana membutkan rawatan multidisiplin yang memerlukan pakar onkologi, radiotherapy, pembedahan, patologi, transfusi dan radiologi serta pasukan kejururawatan mencukupi, katanya.

Kekurangan fasiliti

Beliau mengulas laporan khas BH kelmarin, mendedahkan kekurangan fasiliti kesihatan khusus bagi merawat kanser dihadapkan kanak-kanak di negara ini, menyebabkan ada pesakit terpaksa menempuh perjalanan sehingga 300 kilometer (km), selain diber lenggu bebanan kewangan.

Secara keseluruhan negara mempunyai 34 pakar kanser ka-

nak kanak yang bertugas di tujuh hospital awam, tiga hospital universiti dan tiga hospital swasta.

Daripada jumlah itu, 20 pakar di hospital awam, 14 di hospital universiti dan swasta.

Bagi hospital awam, perkhidmatan rawatan kanser kanak-kanak antaranya ditawarkan HTA yang ada lima pakar, Hospital Pulau Pinang (HPP), Hospital Johor Bahru, Johor; Hospital Umum Sarawak, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh.

Katanya, lebih banyak perkhidmatan kanser kanak-kanak, kebanyakannya hospital awam melakukan lawatan di hospital daerah bagi pemeriksaan susulan.

Beliau berkata, kerajaan dilihat berada dalam landasan peraturan bagi mewujudkan lebih ramai pakar pediatrik melalui peningkatan peluang dalam program sarjana perubatan pediatrik dan program luaran paralel.

"Untuk menjurus dalam bidang subkekapanan kanser kanak-kanak, pakar pediatrik perlu menjalani program *fellowship* selama tiga tahun.

"Dahulu setiap tahun, seorang ahli dianugerahkan beasiswa di dalam bidang subkekapanan, sekarang lebih banyak peluang dan biasiswa disediakan untuk *fellowship* meliputi latihan dua tahun di dalam negara dan setahun di luar negara.

"Berdasarkan unjuran negara berpendapat tinggi, nisbah pakar kanak kanak kanser bagi setiap kes baharu kanser adalah 1:6.7, namun di Malaysia nisbah itu adalah 1:30," katanya.

Selain kemudahan rawatan se-

Pada masa ini, tiada keperluan pusat rawatan kanser kanak-kanak di setiap negeri, namun ia mungkin boleh direalisasi menjelang 2040 apabila kita mempunyai lebih tenaga pakar kanser kanak kanak.

Dr Zulaiha Muda,
Ketua Subkekapanan
Hematologic
Onkologi Pediatrik
Kebangsaan KKM



Pusat rawatan jauh tambah derita pesakit kanser

Keratan akhbar BH semalam.

cara percuma di hospital awam, keluarga pesakit kanser kanak-kanak juga diberi bantuan tambahan daripada pertubuhan bukan kerajaan atau hospital.

Katanya, di HTA, Persatuan Kanser Kanak-Kanak (PEKA) turut memberikan bantuan keperluan harian dan tambang ketika menjalani rawatan bagi pesakit berdepan masalah kewangan.

PEKA menerima sumbangan daripada syarikat swasta dan individu, di samping duit daripada aktiviti PEKA terutama ketika minggu kesedaran kanser kanak-kanak pada September.

tan susulan, kadang kala sekerap dua minggu sekali.

Beliau berkata, kos bagi mendapatkan rawatan itu bukan hanya membabitkan tambang perjalanan, ada juga terpaksa bermalam di rumah inap, selain mengambil cuti kerja.

"Ia menyebabkan ada keluarga mungkin terlepas janji temu untuk rawatan dan menyebabkan keadaan pesakit boleh ber-tambah parah.

"Sedangkan bagi pesakit kanser, contohnya leukemia akut perlu mendapatkan rawatan segera, saya pernah berdepan kesesakitan meninggal akibat kanser darah kerana sudah lambat dihantar ke hospital kerana faktor perjalanan jauh dan sukar berulang kali ke hospital besar terdekat," katanya.

Dr Sharifa Ezat berkata, negara memerlukan sekurang-kurangnya dua kali ganda pakar onkologi berbanding jumlah sedang ada bagi menambah baik akses terhadap rawatan.

Akibat kekurangan pakar onkologi, selain ada yang berhijrah ke hospital swasta semakin memudahkan akses rawatan di pusat perubatan awam.

Katanya, kerjasama pintar antara pembekal kesihatan swasta dan kerajaan perlu dimeterai dan memudahkan pesakit menerima rawatan serta saringan di dua jenis hospital ini.

"Antara caranya ialah sistem pembentukan insurans dan menggalakkan subsidi rawatan dilaksana syarikat farmaseutikal itu sendiri untuk bekalan rawatan pesakit kanser," katanya.

Syor letak pakar onkologi pelawat secara berkala

Kuala Lumpur: Kerajaan disarankan melaksanakan sistem strategi kluster dengan menghantar pakar onkologi pelawat ke hospital yang tiada pusat rawatan kanser untuk kanak-kanak, secara berkala.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata kekurangan pakar onkologi dewasa dan kanak-kanak serta tiada pusat rawatan kanser di sesetengah negeri menyebabkan pesakit tidak mendapat rawatan sebaiknya.

Beliau berkata, keadaan bertambah buruk apabila keluarga pesakit kanser kanak-kanak ini miskin menyebabkan mereka mengangguk rawatan atas sebab ekonomi kerana tidak mampu

menampung kos perjalanan.

Justeru, meletakkan pakar onkologi pelawat secara bergilir dan berkala melalui sistem kluster dilihat pendek yang mampu mengurangkan beban keluarga pesakit untuk mendapatkan rawatan.

"Bukan sahaja kebanyakan hospital di luar bandar, namun ada beberapa negeri langsung tiada pusat rawatan kanser untuk kanak-kanak.

"Bagi keluarga B40, ia membebankan untuk mengeluarkan kos bagi menempuh perjalanan. Memang ada hospital menye diakan asrama kediaman, na-

mun tidak mencukupi.

"Contohnya jika pesakit di Melaka, pusat kanser kanak-kanak paling dekat di Lembah Klang atau hospital swasta di Nilai. Ia amat menyukarkan mereka.

"Justeru, pakar di Lembah Klang contohnya boleh ke negeri yang tiada pusat rawa-

tan kanser kanak-kanak, contohnya dua minggu sekali untuk merawat pesakit," katanya kepada BH, di sini.

Pada masa sama, Dr Sharifa Ezat berkata, rawatan kanser bukan kaedah yang hanya perlu datang sekali untuk sembuh sebaliknya ia memerlukan rawa-



Dr Sharifa Ezat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Tiada vaksinasi umum untuk MPox

Pemberian hanya diberikan berdasarkan penilaian pakar perubatan

Oleh Essa Abu Yamin
 essaabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan melakukan vaksinasi umum, vaksin MVA-BN kepada orang ramai bagi virus MPox atau cacar monyet, sebaliknya akan diberi kepada golongan sasaran sahaja.

Menyatakan perkara itu sebagai kesilapan operasi dan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang situasi berkaitan MPox.

"Sebanyak 34 kes disyaki MPox dilaporkan di fasiliti kesihatan dan dapatan ujian mendapat kesemuanya negatif. Alhamdulillah. Saya kira situasi ini sangat terkawal dan kita akan lebih berjaga-jaga," katanya.

Bilik pemeriksaan di KLIA

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM turut menyediakan bilik pemeriksaan berhampiran

ruk atau mereka yang punya imuniti lemah. Pemberian vaksin MVA-BN MPox hanya diberi berdasarkan pemeriksaan dan penilaian pakar perubatan.

"Tiada vaksinasi umum. Vaksin MVA-BN hanya khas kepada kumpulan berisiko tinggi, termasuk petugas kesihatan dan kontak rapat kes disahkan," katanya dalam kenyataan di platform X semalam.

Pada Khamis lalu, Dr Dzulkefly berkata, seramai 3.26 juta pengembara melalui saringan MPox di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Katanya, perkara itu sebagai kesilapsiagaan operasi dan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang situasi berkaitan MPox.

"Selain dua makmal milik kerajaan, iaitu Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), lapan makmal universiti awam kini turut melakukan analisis lebih mendalam," katanya.

Pada 14 Ogos lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan MPox sebagai keemasan kesihatan awam global susulan lonjakan kes strain baru MPox, clade 1b di Republik Demokratis Congo (DRC) yang turut merebak ke negara berhampiran.

Lebih 18,000 kes disyaki MPox, termasuk 629 kematian dilaporan di DRC sejak awal tahun ini. Sweden dan Thailand juga mengesahkan kes clade 1b, sekali gus mencatat penularan strain virus itu di luar DRC dan negara jiran.

C22 di Terminal 1 KLIA untuk pengembara dari lokasi berisiko tinggi virus MPox bagi mendapatkan pemeriksaan tambahan.

"Seramai 30 orang kakitangan KKM bertugas sepanjang masa di bilik pemeriksaan berkenaan membabitkan tiga syif dan pintu masuk di seluruh negara turut mengambil langkah sama.

"Selain dua makmal milik kerajaan, iaitu Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), lapan makmal universiti awam kini turut melakukan analisis lebih mendalam," katanya.

Pada 14 Ogos lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan MPox sebagai keemasan kesihatan awam global susulan lonjakan kes strain baru MPox, clade 1b di Republik Demokratis Congo (DRC) yang turut merebak ke negara berhampiran.

"Selain dua makmal milik kerajaan, iaitu Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), lapan makmal universiti awam kini turut melakukan analisis lebih mendalam," katanya.

Pada 14 Ogos lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyiharkan MPox sebagai keemasan kesihatan awam global susulan lonjakan kes strain baru MPox, clade 1b di Republik Demokratis Congo (DRC) yang turut merebak ke negara berhampiran.

UBAT DAN VAKSIN MPox

Tecovirimat

- Juga dikenali **TPOXX** atau **ST-246**.
- Sejenis ubat antiviral yang diambil secara oral untuk melawan penularan cacar.
- Kajian ke atas haiwan menunjukkan ia berpotensi membantu rawatan jenis virus yang menyebabkan penyakit campak.
- Diluluskan **Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubat Amerika Syarikat (FDA)** untuk rawatan cacar pada orang dewasa dan kanak-kanak, berdasarkan data keberkesanan haiwan dan data keselamatan dalam 359 individu dewasa yang sihat.
- Di Amerika Syarikat, ia diberi untuk **rawatan cacar manusia**, manakala di Kesatuan Eropah untuk **cacar monyet** dan **cacar lembu**.
- ia menghalang virus meninggalkan sel dijangkiti, mengelak penyebaran virus dalam badan

Vaksin MVA-BN

- MVA-BN** merujuk **Vaksin Ankara-Bavarian Nordic** diubah suai
- Dihasilkan pembuat ubat Denmark, **Bavarian Nordic**
- Menerima rekomenjarsi **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** untuk pencegahan cacar dan cacar monyet
- Antara dua vaksin cacar monyet digunakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini selain **LCIG** keluaran Jepun

Infografik BH

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : KOMENTAR

Manfaatkan MySejahtera bendung penularan Mpox

Prof Dr Rusli Abdullah
bhrenca@bh.com.my



Profesor di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Timbalan Pengurus Kluster Teknologi Komunikasi Dan Maklumat (ICT), Majlis Profesor Negara

Mungkin ramai sudah lupa mengenai MySejahtera yang pernah menjadi aplikasi digunakan setiap hari ketika pandemik COVID-19, tetapi tiba masanya untuk kita membiasakan semula ekoran penularan cacar monyet atau Mpox yang membimbingkan kerana kesannya boleh membawa kematian.

MySejahtera dapat membantu semua pihak, termasuk pengguna akhir dalam membuat persediaan dan pemantauan Mpox secara kawalan kendiri.

Dengan fungsi tambahan dimasukkan dalam MySejahtera, diharapkan membantu pengguna akhir agar persiapan atau persediaan awalan mencegah penularannya lebih berkesan.

Ini memerlukan penggunaan MySejahtera dioptimumkan, sekali gus menyokong langkah kerajaan dalam usaha digitalisasi urusan, termasuk berkaitan hal ehwal kesihatan terutama memantau dan mengawal jangkitan Mpox.

Fungsi MySejahtera boleh diperluas dengan masukkan ciri pengesanan awal bagi penyakit cacar monyet supaya pengguna menunjukkan gejala seperti ruam, demam dan pembengkakan nodus limfa boleh melaporkannya dengan dilengkapi saranan menjalani ujian di fasiliti kesihatan terdekat.

Selepas ujian dijalankan, keputusan boleh di-

muat naik ke MySejahtera untuk memaklumkan pengguna mengenai status kesihatan dan memberi garis panduan mengenai langkah atau mengambil tindakan seterusnya bersetujuan.

Antara kekuatan MySejahtera adalah kemampuan menjelaki kontak rapat. Apabila seorang pengguna disahkan positif, sistem secara automatik boleh memberi amaran kepada individu mungkin berhubung dengan pesakit berkenaan berdasarkan lokasi dan interaksi sebelumnya.

Bagi merealisasikan penggunaan sistem aplikasi MySejahtera sebagai alatan sokongan kesihatan dan dapat dioptimumkan, ada isu dan cabaran perlu ditangani dengan berkesan.

Apatah lagi, ia membatikan maklumat kesihatan pengguna yang perlu dikendalikan dengan tahap kerahsiaan tinggi untuk mengelakkan penyalahgunaan dan melindungi hak individu.



Bagaimanapun, kerajaan disarankan memperkenalkan MySejahtera sebagai alatan kawalan kendiri bagi Mpox kerana ia langkah strategik dapat memperkuuh keupayaan negara dalam menangani penyakit berjangkit.

Dengan memanfaatkan fungsi sedia ada dan memperkenalkan fungsi baharu disesuaikan untuk Mpox, aplikasi ini boleh menjadi alat berkesan dalam mengesan kes, menjelaki kontak dan memberikan panduan pengurusan kesihatan tepat kepada rakyat.

Ini akan meningkatkan kecekapan respon kesihatan awam dan membantu mencegah penularan penyakit secara meluas.

Malah, MySejahtera sebagai alat kawalan kendiri juga dapat mendidik masyarakat mengenai Mpox dan meningkatkan kesedaran terhadap langkah pencegahan.

Aplikasi ini dapat memastikan pemantauan gejala berterusan dan pengesanan kes secara proaktif yang penting untuk mengawal wabak. Dengan adanya sistem pemantauan kukuh, pihak berkuasa kesihatan dapat bertindak balas dengan lebih cepat dan tepat, sekali gus mengurangkan impak kesihatan awam.

Bagaimanapun, bagi memastikan keberkesaan MySejahtera dalam kawalan Mpox, perlindungan data peribadi serta kerahsiaan maklumat kesihatan perlu diutamakan.

Dengan keyakinan pengguna tinggi terhadap keselamatan data mereka, aplikasi ini boleh digunakan secara meluas, seterusnya menyumbang kepada usaha negara mengawal penularan Mpox dan melindungi kesejahteraan masyarakat.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

CACAR MONYET

Malaysia terima antivirus TPOXX dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: Malaysia akan menerima ubat antivirus Tecovirimat (TPOXX) dan Vaksin MVA-BN bagi virus MPox atau cacar monyet melalui Covid-19 Asean Response Fund dalam masa terdekat, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Katanya, TPOXX diguna dalam rawatan MPox khususnya kepada mereka yang mengalami jangkitan teruk atau mereka yang punya imuniti lemah.

Pemberian vaksin MVA-BN mpox hanya diberi berdasarkan pemeriksaan dan penilaian pakar perubatan, katanya dalam hantaran di platform X semalam.

Dzulkefly berkata, setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak akan melakukan vaksinasi umum kepada orang ramai.

"Vaksin MVA-BN hanya

eksklusif kepada kumpulan berisiko tinggi termasuk petugas kesihatan dan kontak rapat kes yang disahkan," katanya.

Khamsis lalu, Dzulkefly berkata, seramai 3.26 juta penumpang melalui saringan Mpox di terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Katanya, perkara itu sebagai kesiapsiagaan operasi dan langkah berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang situasi berkaitan Mpox.

"Kira-kira 34 kes disyaki Mpox telah dilaporkan di fasiliti kesihatan dan hasil dapatan ujian berkenaan mendapat kesemuanya negatif.

"34 kes yang disyaki dan apabila kita ikuti perkembangan kes ini dapatannya tiada satu pun yang positif. Semuanya negatif, Alhamdulillah. Saya kira situasi ini sangat terkawal dan kita akan lebih berjaga-jaga," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Malaysia bakal terima TPOXX, vaksin MV-BN bagi mpox

PUTRAJAYA – Malaysia bakal menerima segera agihan ubat Antiviral Tecovirimat (TPOXX) dan vaksin MVA-BN untuk wabak cacar monyet atau mpox melalui 'Covid-19 ASEAN Response Fund'.

Menyatakan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ubat serta vaksin berkenaan bagaimanapun hanya akan diberi kepada golongan sasaran.

"TPOXX diguna dalam rawatan mpox, khasnya (mereka) yang mengalami jangkitan teruk atau mereka yang punya imuniti

lemah.

"Pemberian vaksin MVA-BN mpox hanya diberi berdasarkan pemeriksaan dan penilaian pakar perubatan," katanya dalam hantaran di aplikasi X semalam.

Jelasnya, setakat ini KKM tidak akan melakukan vaksinasi umum kepada orang ramai.

"Vaksin MVA-BN hanya khas kepada kumpulan berisiko tinggi termasuk petugas kesihatan dan kontak rapat kes yang disahkan," ujarnya.

Media pada 26 Ogos lalu melaporkan, sebanyak 31 kes mpox

disyaki di Malaysia dengan 25 kes disahkan negatif, manakala enam masih dalam pemantauan.

Dr Dzulkefly berkata, kes mpox di Malaysia kekal sembilan kes dengan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan terakhir ialah pada November tahun sama.

Pada 23 Julai 2022 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan wabak mpox sebagai Public Health Emergency Of International Concern (PHEIC).



UBAT serta vaksin berkaitan mpox hanya diberikan kepada kumpulan berisiko tinggi termasuk petugas kesihatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL



Penutupan Klinik Desa Kampung Sekolah Juru menyukarkan warga emas dan penduduk sekitar mendapatkan rawatan.

BUKIT MERTAJAM- Masalah klinik kesihatan yang terletak jauh merupakan isu buat penduduk terutamanya warga emas di beberapa buah kawasan yang terletak di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Kechil, Hashim Din, sebelum ini di kawasan itu terdapat Klinik Desa Kampung Sekolah Juru namun telah ditutup.

Katanya, susulan penutupan itu, penduduk di kawasan terlibat terutamanya warga emas perlu ke Klinik Kesihatan Bukit Minyak yang terletak agak jauh dari kediaman mereka atau klinik swasta untuk mendapatkan rawatan.

"Klinik Kesihatan Bukit Minyak terletak di bawah Kadun Machang Bubok dan ia agak jauh. Ini merupakan masalah bagi warga emas di sini terutamanya mereka yang tiada pengangkutan," katanya ketika

dihubungi pada Ahad.

Ujarnya, klinik kesihatan yang terdekat adalah Klinik Kesihatan Bukit Minyak dan ia perlu menampung pesakit dari beberapa buah kawasan.

Tambah Hashim, ramai orang muda di kawasan itu telah berhijrah ke bandar dan negeri lain kerana tuntutan kerja.

Sementara itu, Pengerusi MPKK Kampung Sekolah, Zainol Baharom ber�ata, warga emas yang tinggal sendirian mempunyai masalah pengangkutan untuk ke klinik kesihatan dan hospital.



HASHIM



ZAINOL

Jelasnya, sebelum ini pengangkutan percuma ada disediakan oleh pusingan khidmat wakil rakyat untuk warga emas dan penduduk yang tidak mempunyai pengangkutan sendiri, namun ia telah dihentikan.

"Saya pun tidak pasti sebab ia dihentikan. Sebelum ini, jika ada pengangkutan percuma, warga emas mudah untuk ke klinik kesihatan atau hospital," ulasnya.

Selain itu katanya, kawasan tersebut juga tidak menerima perkhidmatan bas henti-henti sejak empat tahun lalu menyebabkan warga emas sukar untuk ke pekan atau kedai untuk membeli barang keperluan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Tiada halangan kepada universiti untuk wujud fakulti AI – Zambyr

KEPALA BATAS – Kementerian Pendidikan Tinggi tidak menghalang mana-mana universiti di negara ini untuk mewujudkan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) sekiranya mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

Menyatakan itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambyr Abdul Kadir berkata, ia termasuk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang memohon untuk menubuhkan fakulti AI dan sains pengkomputeran kerana kewujudan fakulti dalam cabang baharu penting seiring dengan perubahan mengikut masa.

"Seperti yang kita sedia maklum, kita telah melancarkan fakulti AI sebelum ini di UTM (Universiti Teknologi Malaysia), namun kita tidak menghalang bagi

universiti-universiti yang mempunyai kepakaran mereka di dalamnya untuk meneruskan.

"Hari ini seperti yang disyorkan UniMAP iaitu mereka ingin wujudkan fakulti AI dan sains komputer, maka kita tiada halangan untuk mereka meneruskan fakulti itu," katanya selepas merasmikan *Global Trends in Engineering, Science and Technology Congress 2024 (GTTEST2024)* di sini pada Isnin.

Zambyr berkata, pewujudan fakulti AI mencerminkan komitmen universiti untuk melabur dalam infrastruktur penyelidikan



ZAMBRY

revolusi dan menyokong projek antara disiplin.

Beliau juga menekankan kepada universiti di negara ini supaya mempunyai program tersendiri bertaraf antara-bangsa kerana ia antara elemen penting dalam dasar pendidikan tinggi negara sekali gus akan meletakkan universiti di posisi terbaik di dunia.

Mengulas sama ada ke-menteriannya bercadang membuat saringan terhadap pelajar luar negara susulan virus cacar monyet (mpox), Zambyr berkata, pihaknya menyerahkan kepada Kementerian

Kesihatan (KKM) untuk membuat sebarang langkah berkaitan penyakit itu.

"Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad telah memaklumkan dalam Mesyuarat Kabinet tentang langkah yang dibuat. Saya serahkan kepada pihak KKM untuk memaklumkan langkah-langkah yang dilakukan dan sekiranya perkara (mpox) terus berleluasa, tentunya menteri berkenaan akan membuat pengumuman," katanya.

Sebelum ini, KKM memaklumkan 33 kes disyaki Mpox telah dilaporkan di fasiliti kesihatan sejak awal tahun dan daripada jumlah itu, 32 kes disahkan negatif manakala satu kes lagi masih menunggu keputusan makmal. - Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

Regular blood donor hasn't taken MC for 20 years

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: A. Kumar has worked in the hotel industry for over 20 years without ever needing to take sick leave or see a doctor.

His secret to maintaining such a good work record? A steadfast commitment to donating blood, which he has done without fail for the past 34 years.

The 59-year-old's blood donation journey began when he was just 25, due to a family emergency.

"At that time, my late mother was diagnosed with breast cancer which required blood transfusions as part of her treatment.

"My siblings and I came

together to donate blood to help her," Kumar said.

His mother passed away five years ago, but the experience left a lasting impact on him.

Since then, Kumar has donated blood annually, amassing 125 donations to date.

On his most recent milestone, he was honoured by Hospital Sultanah Aminah (HSA) for his remarkable dedication.

Kumar, who has an A+ blood type, typically donates three to four times a year.

In addition to its life-saving benefits, Kumar believes blood donation has health advantages for the donor.

"Donating blood keeps our body healthier and younger. I've never had to take a medical certi-

ficate during my years working at the hotel," he said, noting that he has never suffered from a fever or headache.

Johor Health Department director Dr Mohtar Pungut recently said the state requires an average of 250 bags of blood per day to meet hospital demand.

Despite a 6% increase in successful donations at HSA last year – totalling 35,274 bags – there remains a critical need for continuous contributions.

Dr Mohtar praised the community's efforts, including those of campaign organisers and donors, hoping that such efforts can be maintained and become a catalyst to raise awareness on the life-saving importance of donating blood.



Hats off:
Kumar showing the certificate and plaque awarded by Sultanah Aminah Hospital for donating blood 125 times, in Johor Baru.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

M'sia to get mpox vaccines soon

Tecovirimat, MVA-BN to be distributed through Covid-19 Asean Response Fund

By R. SEKARAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The country will receive mpox vaccines distributed through the Covid-19 Asean Response Fund, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"We will take delivery of Tecovirimat Antiviral (TPOXX) and MVA-BN vaccine for mpox," said the Health Minister in two brief X posts yesterday.

"TPOXX is used in the treatment of mpox, especially those who have acute infection and a weak

immune system," he added.

Last Tuesday, Dzulkefly's Indonesian counterpart Budi Gunadi Sadikin announced that the republic has ordered thousands of doses of mpox vaccines from Denmark amid escalating global concerns over the viral infection.

The World Health Organisation has declared that an outbreak of mpox, a viral infection that spreads through close contact, represents a global health emergency for the second time in two years.

Dzulkefly earlier announced that the Health Ministry, working

with operator Malaysia Airports Holdings Bhd, will tighten screenings for travellers entering the country through KLIA Terminal 1 to mitigate the risk of mpox transmission.

The government had activated a special operations room from Aug 16 at the National Crisis Preparedness and Response Centre to monitor and prevent any possible spread of mpox in coordination with other Asean countries.

Last week, the Medical Device Authority (MDA) warned that mpox test kits are not for public

use, with MDA chief executive officer Dr P. Muralitharan saying that only authorised personnel are allowed to handle such test kits and that any public sale of these test kits is illegal.

"The test kit is only approved for handling by authorised professionals such as licensed medical practitioners and not by the public," said Dr Muralitharan in a statement last Thursday.

"Any sale and purchase of the kit in pharmacies, stores or ecommerce platforms will be a violation of the Medical Device

Act 2012," he added.

He also said that if the kit is not properly handled, there is a possibility that the results obtained may not be accurate and enable virus transmission among the public.

"The public is advised not to buy any mpox test kit or self-test using such kits.

"Please report to the MDA feedback management system at fenes.mda.gov.my," he added.

On Aug 28, the Health Ministry said 13 laboratories in the country are capable of conducting mpox screening.